

BAB
KEEMPAT

BAB KEEMPAT:

PEMULIHAN AKHLAK PESALAH JUVENIL DI MALAYSIA

4.0: Pendahuluan

Kajian di dalam bab ini akan meliputi aspek-aspek pemulihan akhlak bekas pesalah juvenil di negara ini. Kajian akan difokuskan kepada program pemulihan akhlak yang dijalankan di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi sebagai sampel program pemulihan di bawah selenggaraan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dan program pemulihan akhlak di Sekolah Henry Gurney Telok Mas sebagai sampel program pemulihan di bawah selenggaraan Jabatan Penjara Malaysia.

4.1: Pemulihan Akhlak Pesalah Juvenil Di Malaysia

Di Malaysia, terdapat dua buah badan yang mengendalikan program pemulihan akhlak untuk bekas-bekas pesalah daripada kalangan remaja, belia dan wanita. Badan-badan tersebut ialah badan kerajaan dan badan bukan

kerajaan. Namun, tumpuan program pemulihan akhlak yang melibatkan pesalah juvenil di negara ini hanya dijalankan oleh badan kerajaan memandangkan banyak kos penyelenggaraan dan tenaga terlatih yang diperlukan bagi menguruskan sesebuah pusat pemulihan. Ini berbeza dengan pusat-pusat pemulihan akhlak yang dikendalikan oleh badan bukan kerajaan yang tidak mengasingkan antara pesalah juvenil dan dewasa, yang antara lainnya bertujuan untuk menjimatkan kos penyelenggaraan.

Badan-badan bukan kerajaan seperti Rumah Pengasih, Darul Sa'adah dan Darul Islah (sekadar menamakan beberapa contoh) lebih memberi tumpuan kepada pemulihan akhlak bekas-bekas pesalah moral yang terdiri daripada kalangan remaja dan belia yang terlibat dalam masalah dadah, pelacuran, buang bayi dan seumpamanya. Pusat-pusat pemulihan akhlak ini bertindak melindungi penghuninya daripada sebarang gangguan yang boleh menggugat keselamatan atau menjejaskan proses pemulihan yang dijalani. Ini dilakukan dengan menempatkan kesemua penghuninya di asrama yang dikhaskan, mewajibkan mereka mengikuti setiap program yang diatur, sentiasa mengikuti perkembangan setiap penghuni serta mewujudkan khidmat kaunseling kepada penghuni yang memerlukan.

Manakala badan kerajaan yang mengendalikan program pemulihan akhlak di negara ini dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kebajikan Masyarakat), dan juga Jabatan Penjara Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Begitupun, pusat-pusat pemulihan akhlak bagi setiap pesalah juvenil di negara ini dibezakan mengikut tahap kesalahan yang telah dilakukan. Contohnya, bagi pesalah yang ditahan atas kesalahan moral dan jenayah ringan, biasanya akan ditempatkan di Sekolah-sekolah Tunas Bakti di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Sementara bagi pesalah yang ditahan atas kesalahan moral dan jenayah yang agak serius atau serius, biasanya akan ditempatkan di Sekolah-sekolah Henry Gurney di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia.¹

4.2: Institusi Pemulihan Akhlak Juvenil Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia merupakan badan kerajaan yang paling banyak terlibat dalam menyediakan perkhidmatan pemulihan akhlak juvenil, termasuk seliaan juvenil yang dibebaskan secara berlesen. Satu Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah dibawahnya dilantik bagi membantu pegawai akhlak dalam usaha pemulihan, pencegahan jenayah dan keruntuhan akhlak juvenil. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan menjamin kebajikan juvenil di daerah masing-masing, di samping berkuasa menasihati Menteri bagi mengubah dasar atau undang-undang yang berkaitan dengan kebajikan juvenil tersebut².

Terdapat beberapa buah institusi pemulihan akhlak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, antaranya asrama akhlak atau rumah tahansentara yang berjumlah 11 buah dan 2 buah daripadanya untuk juvenil perempuan, sekolah akhlak atau sekolah-sekolah yang diluluskan sebanyak 8 buah dan 2 buah daripadanya untuk juvenil perempuan, dan pusat perlindungan wanita dan gadis sebanyak 5 buah³.

Pegawai akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bertanggungjawab menyelia juvenil yang dikenakan perintah cubaan akhlak, iaitu penangguhan hukuman, dengan syarat pesalah bersetuju mematuhi segala peraturan yang ditetapkan ke atasnya sepanjang tempoh tersebut. Perintah cubaan akhlak ini boleh dikenakan dalam tempoh satu tahun hingga tiga tahun, dan merupakan alternatif kepada penahanan di institusi-institusi akhlak yang lain. Pesalah juvenil boleh diperintahkan tinggal di asrama akhlak selama tidak lebih dari satu tahun jika difikirkan perlu. Sekiranya syarat-syarat perintah ini diingkari, pegawai akhlak boleh mengemukakan semula permohonan di mahkamah agar perintah hukuman lain boleh dikenakan ke atas pesalah tadi⁴. Daripada segi perkhidmatan pula, pegawai akhlak di bawah jabatan ini bertanggungjawab menyediakan laporan akhlak seseorang juvenil yang telah ditangkap, di samping menguruskan mereka ke mahkamah. Laporan akhlak ini bertujuan membantu mahkamah membuat perintah yang bersesuaian bagi pemulihan pesalah. Dalam hal ini, pegawai akhlak berhak serta berkewajipan menyoal-siasat juvenil tersebut bagi membolehkan mahkamah menentukan suatu cara pemulihan yang sewajarnya untuk mereka⁵.

Selanjutnya adalah penerangan umum tentang pusat-pusat pemulihan akhlak yang terletak di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia:

a) Asrama Akhlak atau Rumah Tahansentara

Asrama akhlak atau rumah tahansentara ditubuhkan selaras dengan peruntukan seksyen 25A, 25B dan 25C, Akta Mahkamah Juvana 1947. Ia dikhususkan kepada juvenil yang tidak mempunyai tempat tinggal, atau mempunyai tempat tinggal yang persekitarannya tidak baik untuk pembentukan diri mereka. Ia merupakan institusi tahanan sementara sebagai tempat pemulihan akhlak juvenil yang tidak terkawal dan mereka yang terlibat dalam jenayah kecil. Asrama akhlak ini dikenali juga sebagai rumah tahansentara disebabkan terdapat tahanan yang memasukinya sementara menunggu proses pemindahan mereka ke sekolah akhlak, menunggu perbicaraan mereka di mahkamah, tahanan yang menjalani perintah cubaan akhlak, iaitu pembebasan secara cubaan berlesen, atau yang menjalani seliaan lanjutan.⁶

Para penghuni di asrama akhlak atau rumah tahansentara ini tidak dikenakan mematuhi disiplin yang terlalu ketat. Mereka dibenarkan menghadiri sekolah biasa atau mengikuti latihan vokasional di luar asrama. Selain daripada itu, aktiviti pemulihan atau *therapeutic* yang dijalankan ialah menjahit, mendandan, kerja-kerja pertanian, pertukangan dan sebagainya⁷.

Penghuni asrama yang ditahan kerana menunggu perbicaraan kesalahan mereka di mahkamah, akan diletakkan di bawah pengawasan. Laporan personaliti mereka akan diambil, dan perwatakan serta sejarah pergaulan mereka akan dicatat dan direkod untuk dimuatkan dalam laporan pegawai akhlak yang akan diserahkan ke mahkamah. Sementara tahanan yang menjalani perintah cubaan akhlak atau seliaan lanjutan yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan atau perintah dalam tempoh cubaan atau seliaan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50. Di samping itu, mereka boleh dikenakan hukuman baru oleh mahkamah, atas kesalahan terdahulu, sebagaimana peruntukan di bawah seksyen 22 dan 23, Akta Mahkamah Juvana 1947.

b) Sekolah Akhlak

Ia merupakan sekolah yang diluluskan oleh Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat⁸ untuk tahanan dan pemulihan akhlak juvenil yang terlibat dalam jenayah dan juvenil yang tidak terkawal. Penubuhannya adalah berdasarkan seksyen 26, Akta Mahkamah Juvana 1947, dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu⁹.

Sekolah akhlak yang kini lebih dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti, merupakan sebuah institusi terbuka yang menekankan aspek disiplin, yang dipamerkan melalui contoh teladan oleh para pengawas dan pekerjaanya. Para penghuni sekolah biasanya terdiri daripada mereka yang diarahkan kemasukan oleh mahkamah. Namun sekiranya mereka tidak dapat memasuki mana-mana sekolah yang diputuskan disebabkan telah melebihi kuota yang ditetapkan, mereka akan ditempatkan di mana-mana rumah tahansentara. Tempoh mereka mendiami rumah tersebut akan dikira sebagai sebahagian dari tempoh 3 tahun penahanan. Bagaimanapun, pesalah yang berusia di bawah 10 tahun, biasanya tidak akan dihantar ke sekolah ini¹⁰.

Seseorang tahanan boleh ditahan sehingga cukup tempoh 3 tahun, atau sehingga mereka berusia 14 tahun, berdasarkan tempoh mana yang lebih panjang. Bagaimanapun, tempoh ini bukanlah muktamad, sebaliknya boleh dipendekkan, bergantung kepada persetujuan Lembaga Pelawat atau Menteri.¹¹ Sementara juvenil yang telah tamat tempoh penahanan mereka akan diletakkan di bawah seliaan seorang pegawai akhlak, atau seorang yang dilantik oleh Jawatankuasa Kebajikan Juvana selama sekurang-kurangnya setahun¹².

c) Pusat Perlindungan Wanita Dan Gadis

Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis ini lebih dikenali kini sebagai Taman Seri Puteri. Ia ditubuhkan selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973. Tumpuannya ialah untuk memberi jagaan, perlindungan dan bimbingan kepada kaum wanita dan gadis yang berusia di bawah 21 tahun, yang terdedah kepada bahaya moral, atau mereka yang terlibat dalam pelacuran¹³.

Walau bagaimanapun, di antara pusat-pusat pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang dinyatakan di atas, hanya sekolah akhlak atau lebih dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti lebih menepati ciri-ciri kajian yang dikehendaki. Ini kerana penubuhannya bertujuan untuk merawat dan memulihkan akhlak juvenil yang terlibat dalam jenayah, juvenil yang tidak terkawal dan juga juvenil yang terlibat dalam masalah moral seperti dadah dan seumpamanya. Oleh kerana itu, kajian ini akan bertumpu kepada bentuk hukuman yang juga merupakan bentuk pemulihan yang dijalankan di Sekolah Tunas Bakti, dan sampel yang dipilih ialah Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, memandangkan ia merupakan antara pusat pemulihan juvenil yang terulung di negara ini.

4.2.1: Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur (STBSB) Dan Program Pemulihan Akhlaknya

Sekolah Tunas Bakti atau sekolah akhlak pada awalnya ditubuhkan di bawah peruntukan Ordinan Mahkamah Juvana 1947 (*Juvenile Courts Ordinance*), yang kini dikenali sebagai Akta Mahkamah Juvana 1947. Ordinan ini memberi kuasa kepada Mahkamah Juvana untuk memasukkan pesalah juvenil ke kem latihan dan pemulihan akhlak, dan antara kem yang mula-mula ditubuhkan ialah Kem Sungai Buloh, iaitu pada tahun 1947, dengan J.W.Prescott sebagai pengetua pertamanya. Kem ini kemudiannya dinamakan *Sungai Besi Boys School* pada tahun 1953, dan dirasmikan oleh Sir General Gerald Templer, iaitu Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu. Pada tahun 1958, sekali lagi nama kem ini ditukar menjadi Sekolah Laki-laki Sungai Besi. Akhirnya pada tahun 1971, ianya dinamakan Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi sehingga ke hari ini, dan dikhususkan kepada juvenil lelaki¹⁴.

Majoriti penghuni di Sekolah Tunas Bakti ialah remaja atau juvenil Melayu yang beragama Islam. Ini terbukti berdasarkan rekod keseluruhan penghuni dari tahun 1992-1997 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

Malaysia. Dalam tempoh 6 tahun tersebut, lebih 50% penghuni adalah juvenil Melayu yang beragama Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 7: Peratus Etnik Melayu Muslim Di STB (1992-1997)

Tahun	Bilangan Etnik Melayu/Keseluruhan	Peratus
1997	1,168/1,680	70%
1996	1,135/1,644	69%
1995	1,047/1,600	65%
1994	974/1,544	63%
1993	908/1,518	60%
1992	762/1,299	59%

Sumber: JKMM

Kebiasaannya, Sekolah Tunas Bakti menerima pelatih yang berusia 14 tahun dan di bawah 21 tahun. Walaupun undang-undang hanya melarang juvenil yang berusia di bawah 10 tahun daripada dimasukkan ke mana-mana pusat pemulihan, namun sehingga hari ini, amalan Sekolah ini cuma menerima mereka yang telah berusia 14 tahun, tambahan pula, jarang sekali berlaku dalam sejarah tanahair, pesalah yang berusia 10 tahun dan di bawah 14 tahun yang diputuskan oleh mahkamah untuk dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dalam negara¹⁵.

Kemasukan setiap pelatih kebiasaannya adalah dengan perintah mahkamah dan berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan. Para pelatih di sini sebahagian besarnya terdiri daripada juvenil yang tidak terkawal dan juvenil yang terlibat dalam kesalahan jenayah yang kecil, yang tidak mencapai tahap bagi kemasukan ke Sekolah Henry Gurney berdasarkan pandangan mahkamah.¹⁶

Sistem pemulihan yang digunakan di Sekolah ini adalah didasarkan daripada sistem *Borstal*¹⁷ yang divedok dari England¹⁸. Ia kemudiannya telah disesuaikan dengan masa dan suasana setempat. Para pelatihnya diwajibkan menjalani latihan kawad setiap hari sebagai asas mendisiplinkan diri. Mereka juga diwajibkan memakai pakaian seragam Sekolah mengikut warna yang membezakan di antara pelatih baru dengan pelatih lama. Ianya berupa baju kemeja -T, seluar pendek dan selipar jepun. Sekiranya terdapat pelatih yang melanggar peraturan dan disiplin Sekolah, mereka boleh dikenakan denda, dirotan dan seumpamanya.¹⁹

Antara bentuk pemulihan yang dijalankan ialah:

a) Pendidikan Akademik Secara Formal

Kebanyakan pelatih di Sekolah Tunas Bakti terdiri daripada mereka yang telah meninggalkan bangku persekolahan sebelum terlibat melakukan kesalahan dan ditangkap. Mereka merupakan golongan juvenil yang sudah tidak mempunyai minat untuk belajar, tidak mampu atau tidak berpeluang belajar. Berdasarkan kajian ke atas 21 orang pelatih Melayu²⁰ di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, didapati hampir 80% daripada mereka memang tidak bersekolah sebelum dimasukkan ke Sekolah ini, dan ada di antara mereka yang mengalami buta huruf (sebelum ke Sekolah Tunas Bakti). Memandangkan situasi ini, di samping melihat kepada pentingnya asas pendidikan kepada seseorang, maka pihak Sekolah biasanya memberi peluang kepada para pelatihnya untuk mempelajari kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira dan beberapa orang guru disediakan untuk tujuan ini.²¹ Pelatih juga diajar kemahiran menggunakan komputer, dan bagi pelatih yang berminat untuk menyambung pengajian, pihak Sekolah turut memberi peluang kepada mereka untuk belajar sendiri. Bagi pelatih yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah atau Sijil Pelajaran Malaysia, mereka diberi

peluang menjadi calon secara persendirian. Sekiranya mereka mendapat keputusan yang cemerlang dan mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, pihak Sekolah akan memberikan pelepasan istimewa kepada mereka.²²

b) Latihan Vokasional

Latihan vokasional merupakan pendidikan dasar dan utama dalam bentuk pemulihan di Sekolah Tunas Bakti seperti di Sungai Besi. Ini disebabkan kebanyakan pelatih terdiri daripada mereka yang tidak lagi berminat meneruskan pelajaran akademik. Justeru itu, pihak sekolah merasa perlu mereka diberikan pelajaran kemahiran vokasional kerana bentuk kemahiran ini dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan kelak²³.

Para pelatih di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi ini bebas memilih minat dan kecenderungan masing-masing dalam kemahiran vokasional. Antara bentuk kemahiran yang ditawarkan ialah pembuatan kek dan pastri, bengkel pertukangan kayu, kimpalan, penternakan, pertanian, membuat kerja tangan rotan, mekanik dan sebagainya²⁴.

c) Latihan Jasmani Dan Rawatan Kesihatan

Aktiviti harian para pelatih di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi dan selainnya tidak bercorak 'kepenjaraan' dan tidak terlalu ketat, dan mereka juga tidak dikawal rapi seperti para pelatih di Sekolah Henry Gurney. Para pelatih di Sekolah ini bebas untuk menggunakan kemudahan sekolah seperti bola dan peralatan sukan yang lain untuk riadah pada waktu-waktu terluang dan waktu-waktu yang ditetapkan, terutamanya di sebelah petang. Selain daripada itu, mereka juga diberi peluang oleh pihak Sekolah untuk terlibat dalam acara sukan yang dianjurkan.²⁵

Selain daripada riadah, para pelatih juga diberi kemudahan rawatan kesihatan secara percuma oleh pihak sekolah. Biasanya seorang pembantu hospital akan ditugaskan merawat mereka yang menghadapi masalah kesihatan kecil, dan jika terdapat masalah kesihatan yang serius, pesakit akan dihantar ke hospital untuk dirujuk kepada doktor²⁶.

d) Latihan Agama Dan Moral

Antara program pemulihan yang dijalankan di Sekolah Tunas Bakti juga ialah penerapan nilai-nilai kerohanian di kalangan para pelatihnya. Bagi pelatih yang beragama Islam, mereka akan dibimbing oleh guru-guru agama yang khas dan diajar asas-asas ibadat seperti sembahyang, puasa, membaca al Qur'an, perkara fardhu 'ain, fardhu kifayah dan sebagainya. Pelatih yang beragama Islam juga diwajibkan menunaikan sembahyang secara berjemaah di surau Sekolah, terutamanya pada waktu Maghrib dan 'Isyak. Ada di antara mereka yang dilatih menjadi bilal dan imam sembahyang²⁷.

Selain daripada itu, beberapa program keagamaan yang lain juga turut diadakan seperti ceramah agama, sambutan Maulidur Rasul, sambutan Ma'al Hijrah dan sebagainya. Namun demikian, terdapat pelatih yang tidak berminat mengikuti program-program seumpama ini, di samping masih terdapat pelatih yang tidak mahir bacaan-bacaan dalam sembahyang, tidak lancar membaca al Qur'an dan tidak tahu asas fardhu 'ain dan fardhu kifayah. Ini mungkin disebabkan peruntukan masa yang agak terhad yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai asas agama dengan mahir.²⁸

Sementara pelatih yang bukan beragama Islam, mereka akan dibimbing oleh guru-guru agama khas mengikut kepercayaan masing-masing. Waktu bimbingan ini biasanya diadakan pada suatu waktu yang ditetapkan pada hujung minggu²⁹.

e) Lain-lain

Antara bentuk pemulihan seterusnya ialah menggalakkan pelatih terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum. Para pelatih biasanya bebas memilih untuk mempelajari permainan kompang, silat, pengakap, bulan sabit merah, pancaragam dan sebagainya. Mereka biasanya akan dibimbing oleh guru-guru khas atau para pegawai Sekolah itu sendiri³⁰.

Sekiranya terdapat para pelatih yang melanggar arahan dan disiplin yang ditetapkan, mereka boleh dikenakan hukuman seperti rotan dan sebagainya. Jika terdapat mana-mana pelatih yang menghadapi masalah, mereka boleh berhubung terus dengan kaunselor Sekolah yang bertanggungjawab memberi bimbingan dan nasihat kepada mereka.³¹

Sepanjang menjalani tempoh pemulihan, seseorang pelatih dibenarkan pulang bercuti beberapa hari dalam setahun. Terdapat di antara mereka yang 'menghilangkan diri' dan tidak kembali ke Sekolah, namun ianya amat jarang berlaku. Walau bagaimanapun, tidak kesemua pelatih dibenarkan pulang dalam jangkamasa terdekat dengan tempoh kemasukan mereka, melainkan pihak Sekolah berpuashati dengan prestasi kelakuan mereka. Namun demikian, pihak ibu bapa atau penjaga dibenarkan melawat anak-anak mereka pada bila-bila masa, iaitu pada waktu melawat yang telah ditetapkan.³²

Tempoh para pelatih berada di Sekolah Tunas Bakti biasanya ditetapkan oleh mahkamah tidak lebih dari tiga tahun. Namun adakalanya mereka dibebaskan lebih awal, tetapi mestilah telah menjalani tempoh pemulihan sekurang-kurangnya lapan belas bulan. Pelepasan seseorang pelatih diberikan secara berlesen, iaitu untuk suatu tempoh yang dibuat berdasarkan penilaian panel Lembaga Pelawat Sekolah. Semasa tempoh ini berlangsung, para pelatih akan dikenakan seliaan lanjutan, iaitu setiap tiga bulan sekali untuk setahun yang pertama. Jika pegawai yang menjalankan seliaan berpuashati dengan prestasi seseorang pelatih tadi, mereka akan diberi kebebasan sepenuhnya. Namun sekiranya mereka didapati melanggar peraturan yang ditetapkan, mereka akan kembali dikenakan tahanan, dan hukuman lain akan diputuskan oleh

mahkamah ke atas mereka, termasuklah memasukkan mereka ke Sekolah Henry Gurney jika perlu³³.

Setiap perjalanan program di Sekolah Tunas Bakti biasanya akan dipantau oleh Lembaga Pelawat. Mereka adalah sukarelawan yang dilantik untuk membantu pihak pentadbir Sekolah dalam menjaga kebajikan para pelatih. Lembaga Pelawat ini biasanya akan bermesyuarat sekali pada setiap bulan dengan pihak Sekolah untuk mengetahui perkembangan di Sekolah. Selain daripada itu, mereka juga berkuasa penuh menasihati pihak Sekolah bagi pembebasan seseorang pelatih. Walau bagaimanapun, para pelatih tidak akan diberi pembebasan melainkan setelah mereka dijamin diterima oleh keluarga serta mempunyai pekerjaan yang mampu menyara hidup mereka kelak. Ini penting untuk mengelakkan mereka kembali terpengaruh dengan kegiatan lama yang merosakkan.³⁴

4.3: Institusi Pemulihan Akhlak Juvenil Di Bawah Jabatan Penjara Malaysia (JPM)

Selain daripada bertanggungjawab terhadap pemulihan banduan-banduan dewasa, Jabatan Penjara Malaysia juga terlibat dalam pemulihan tahanan juvenil di pusat-pusat pemulihan di bawah mereka, iaitu Sekolah-sekolah Henry Gurney seluruh negara. Ini memandangkan sebahagian besar pelatih atau penghuni di Sekolah Henry Gurney terdiri daripada mereka yang pernah terlibat dalam perbuatan jenayah, di samping sebilangan penghuni yang terlibat dalam masalah-masalah lain. Mereka diperintah oleh mahkamah memasuki Sekolah ini disebabkan undang-undang mengiktiraf mereka sebagai pesalah di bawah umur, dan belum layak untuk dikenakan hukuman penjara atau yang setimpal dengan pesalah yang telah dewasa³⁵.

Terdapat lima buah Sekolah Henry Gurney di seluruh Malaysia, iaitu:³⁶

- i. Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka (khusus untuk juvenil lelaki),
- ii. Sekolah Henry Gurney Air Keroh, Melaka (khusus untuk juvenil lelaki),
- iii. Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah (khusus untuk juvenil lelaki),
- iv. Sekolah Henry Gurney Batu Gajah, Perak (khusus untuk juvenil perempuan), dan

- v. Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, Sabah (untuk juvenil lelaki dan perempuan)

Jadual 8: Populasi 1998 Keseluruhan Sekolah Henry Gurney

Sekolah Henry Gurney	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Telok Mas, Melaka	542	-	542
Air Keroh, Melaka	58	-	58
Batu Gajah, Perak	-	56	56
Kota Kinabalu, Sabah	223	14	237
Keningau, Sabah	99	-	99
Jumlah Keseluruhan	922	70	992

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Memandangkan kajian ke seluruh Sekolah Henry Gurney akan meliputi ruang lingkup yang terlalu luas di samping menelan masa dan kos yang banyak, maka kajian ini hanya akan ditumpukan kepada hukuman dan pemulihan yang dijalankan di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka, bagi mewakili keseluruhan Sekolah Henry Gurney.

4.3.1: Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka (SHGTM)³⁷ Dan Program Pemulihan Akhlaknya

Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka, merupakan Sekolah Henry Gurney yang tertua di Malaysia. Ia adalah sekolah pemulihan akhlak juvenil yang terletak di bawah pengawasan Jabatan Penjara Malaysia, dan dikhususkan kepada juvenil yang berusia di antara empat belas tahun dan di bawah dua puluh satu tahun yang pernah terlibat dalam perbuatan jenayah yang agak serius dan serius. Bagaimanapun, kebajikan dan pengawasan (pemantauan) para penghuni Sekolah Henry Gurney ini adalah mendapat sumbangan daripada Kementerian Kebajikan Am (kini dipanggil Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat) dan Kementerian Dalam Negeri, sebagai memenuhi tujuan Akta, seperti yang diperuntukkan di dalam Bab VIII, Akta Mahkamah Juvana 1947. Namun demikian, peruntukan mengenai hal ehwal pengurusan penghuni sekolah adalah melalui beberapa perisytiharan undang-undang (P.U) yang dikeluarkan oleh Menteri (dalam konteks Akta Mahkamah Juvana 1947), yang bermula dari tahun 1949, khususnya "Peraturan Sekolah Henry Gurney 1949"³⁸.

Sistem pentadbiran di Sekolah Henry Gurney ini adalah berdasarkan sistem *Borstal*³⁹ yang berasal dari England. Sistem ini diperkenalkan oleh British semasa era penjajahan dahulu, dan masih dilaksanakan sehingga hari ini, dengan sedikit pengubahsuaian dengan keadaan semasa dan setempat. Manakala cogan kata bagi Sekolah Henry Gurney ini ialah *RESURGAM*, yang berasal dari perkataan Latin dan bermaksud "*I will rise again*" (saya akan hidup atau bangkit kembali). Cogan kata atau motto ini adalah bertepatan dengan matlamat serta objektif penubuhan Sekolah, iaitu sebagai institusi atau pusat pemulihan akhlak untuk penghuninya. Selain daripada itu, Sekolah ini mempunyai prinsipnya yang tersendiri, iaitu "Kebahagiaan masa hadapan adalah bergantung kepada latihan kewarganegaraan masa kini"⁴⁰.

Bentuk hukuman dan pemulihan yang dipraktikkan di Sekolah Henry Gurney ini mengambil konsep penjara, khususnya dalam aspek disiplin, latihan dan kawalan para penghuni. Teori pemulihan yang digunakan di Sekolah ini ialah secara *concomitant*, iaitu mewujudkan unsur pemulihan dan hukuman secara seiringan. Konsep ini bersesuaian dengan institusi seperti Henry Gurney, kerana pada asalnya, hukuman yang dijalankan ke atas setiap pesalah bukanlah hukuman yang sebenar, tetapi sebagai ganti kepada hukuman sebenar. Ini memandangkan pesalah adalah juvenil yang dianggap di sisi

undang-undang sebagai pesalah bawah umur, dan pada masa yang sama mereka memerlukan kawalan dan pengawasan yang ketat.⁴¹

Setiap pesalah juvenil yang dihantar ke Sekolah Henry Gurney akan dibawa ke pejabat penerimaan, dan segala maklumat dirinya akan direkod seperti nama, umur, ketinggian, berat badan, tanda-tanda pada tubuh dan sebagainya. Tubuh badan dan segala peralatan yang dibawa oleh pesalah akan dijelek-jelek untuk memastikan mereka tidak membawa masuk barang-barang yang dilarang, seumpama rokok, benda-benda tajam, dadah dan sebagainya. Pengelelekan seperti ini akan dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan sebagai langkah keselamatan dan ketenteraman Sekolah. Selain daripada itu, pesalah juga akan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi memastikan mereka tidak menghidap apa-apa penyakit yang berjangkit dan membahayakan orang lain⁴².

Setiap penghuni baru biasanya akan diasingkan daripada penghuni lama untuk tempoh dua minggu hingga sebulan. Proses yang dipanggil sebagai *brain storming* ini biasanya dijalankan di suatu bilik khas yang dipanggil sebagai Bilik Penerimaan, yang berbentuk kurungan. Sekiranya penghuni tersebut terlibat dalam masalah dadah dan masih ketagih, mereka akan diasingkan di

bilik yang dikhaskan untuk orang sakit di dalam Sekolah, sebelum dihantar ke Bilik Penerimaan⁴³.

Tempoh pengasingan atau penahanan ini penting sebagai satu proses untuk mengenali diri penghuni (atau juga dipanggil pelatih) dengan lebih dekat, di samping mengenalpasti masalah yang dihadapi serta kecenderungan mereka. Oleh sebab itu, tempoh ini juga dikenali sebagai 'Minggu Suaikenal', iaitu sebagai persediaan untuk pelatih baru menghadapi pelatih yang lebih senior. Pada masa ini, para pelatih baru akan diberi penerangan tentang undang-undang Sekolah, diajar membaca ikrar, menghafal dan menyanyi lagu-lagu patriotik dan "Negaraku", diberi latihan jasmani, pelajaran agama dan membersihkan kawasan sekitar Bilik Penerimaan. Jelasnya, pengasingan ini bertujuan membolehkan penghuni baru menyesuaikan diri dengan suasana Sekolah sebelum dibenarkan bercampur dengan para penghuni lama⁴⁴.

Selesai sahaja menjalani tempoh pengasingan, para pelatih akan ditemuduga oleh panel khas yang dipanggil Lembaga Penerimaan, iaitu dalam satu mesyuarat yang diadakan. Dari sini, para pelatih akan ditentukan bidang yang akan mereka ceburi di Sekolah ini, sama ada bidang vokasional, akademik atau pertanian. Keputusan yang dibuat adalah berasaskan minat dan

kecenderungan yang ditunjukkan oleh para pelatih semasa sesi temuduga, di samping bergantung kepada keupayaan fizikal dan budi bicara ahli Lembaga. Selepas pemilihan bidang, setiap pelatih akan ditentukan asrama kediaman mereka (dipanggil sebagai rumah) di Sekolah ini⁴⁵.

Sungguhpun kawalan ke atas setiap penghuni atau pelatih di Sekolah Henry Gurney adalah ketat, namun mereka dibenarkan berkomunikasi dengan ibu bapa, saudara-mara dan rakan-rakan, dengan tertakluk kepada beberapa sekatan. Ini perlu untuk mengekalkan disiplin dan peraturan di institusi, juga untuk kebajikan setiap individu. Sebagai contoh, setiap pelatih dibenarkan menerima kunjungan daripada pelawat yang diluluskan (biasanya mereka terdiri daripada ibu bapa dan saudara mara), tetapi bilangan mereka mestilah tidak lebih daripada tiga orang dalam setiap lawatan. Walau bagaimanapun, secara praktiknya, pelatih dibenarkan menerima pelawat lebih daripada tiga orang, tetapi lawatan hanya dibolehkan dua minggu sekali. Kebiasaannya, dalam setiap lawatan, mereka hanya dibenarkan berjumpa selama 30 minit sahaja (ini merupakan peraturan yang biasa dipraktikkan di penjara-penjara)⁴⁶.

Antara program pemulihan yang dianjurkan kepada setiap pelatih di Sekolah Henry Gurney ialah berkawad yang lazimnya dijalankan pada setiap pagi. Ia adalah sebagai asas untuk mendisiplinkan setiap pelatih. Selain daripada itu, para pelatih juga digalakkan menceburkan diri dalam aktiviti riadah dan bersukan untuk kesihatan dan kecergasan fizikal mereka. Semasa menjalani aktiviti harian ini, mereka biasanya diarahkan memakai pakaian seragam, iaitu dalam bentuk kemeja-T lengan pendek, seluar pendek dan selipar jepun⁴⁷.

Setiap pelatih akan diberikan bimbingan kerohanian dan disemaikan asas-asas agama mengikut kepercayaan dan anutan masing-masing. Bimbingan ini biasanya diberikan oleh guru-guru agama khas yang akan hadir ke Sekolah pada masa-masa yang ditentukan. Bagi pelatih yang beragama Islam, mereka diwajibkan menunaikan sembahyang di surau secara berjemaah, khususnya pada waktu Maghrib dan Isyak, sementara waktu-waktu sembahyang lain adalah terpulang kepada mereka. Ini kerana kebiasaannya mereka terikat dengan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan dan lazimnya pada waktu-waktu sembahyang selain daripada Maghrib dan Isyak akan dikerjakan secara perseorangan. Mereka juga dimestikan menghadiri kelas-kelas agama, kelas *halaqah al Qur`ān*, kelas fardhu 'ain dan juga ceramah-ceramah agama yang disampaikan oleh guru-guru agama khas, iaitu mengikut jadual yang telah

ditetapkan oleh pihak Sekolah. Program-program keagamaan ini penting sebagai satu cara pemulihan di samping bertujuan membentuk kembali sikap para pelatih ke arah yang lebih baik.⁴⁸

Aspek seterusnya yang paling dititikberatkan kepada setiap pelatih di Sekolah Henry Gurney ialah latihan vokasional. Latihan ini merupakan salah satu cara pemulihan yang diakui berkesan bagi membentuk para pelatih menjadi warganegara yang berguna, khususnya kepada masyarakat dan negara. Latihan seumpama ini diutamakan memandangkan kebanyakan pelatih terdiri daripada mereka yang tercicir di dalam pelajaran akademik. Latihan vokasional ini seperti bengkel kimpalan, pertukangan kayu, menjahit, dobi, bengkel kain, bengkel rotan, bengkel motor dan kereta, bengkel binaan dan sebagainya dirasakan menjadi alternatif terbaik yang dapat membantu para pelatih mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan kelak. Selain daripada itu, para pelatih yang berminat dalam bidang muzik juga turut diberi peluang melibatkan diri dalam pasukan pancaragam Sekolah. Kebolehan bermain alat-alat muzik di sini dianggap sebagai satu kemahiran, sama seperti kemahiran vokasional lainnya⁴⁹.

Sementara itu, bagi para pelatih yang berminat menyambung pelajaran mereka, beberapa orang guru disediakan untuk membimbing mereka. Bimbingan ini khusus kepada pelatih yang akan mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Mana-mana pelatih yang mendapat keputusan yang cemerlang dan berpeluang menyambung pengajian mereka akan diberikan pelepasan istimewa sebagai menghargai kesungguhan mereka.⁵⁰ Di samping itu juga, setiap pelatih dipastikan mengetahui mata pelajaran asas seperti menulis, membaca dan mengira (terutamanya bagi pelatih yang mengalami masalah buta huruf sebelumnya).⁵¹

Salah satu bentuk hukuman yang seiringan dengan tujuan pemulihan dan pengawalan ke atas setiap pelatih di Sekolah Henry Gurney ialah dengan mengenakan sistem ganjaran dan sistem hukuman. Sistem ganjaran adalah terbahagi kepada dua, iaitu sistem peringkat dan upah kerja. Dalam sistem peringkat (yang dikenali juga sebagai sistem kenaikan pangkat), terdapat peringkat coklat dan peringkat biru yang dikhaskan kepada setiap pelatih. Dalam setiap peringkat, terdapat beberapa bahagian pangkat, umpamanya coklat I yang dikhususkan kepada pelatih baru (tempoh kebiasaannya 3 bulan), coklat II dan coklat III (setiap peringkat memakan masa 3 bulan). Selepas peringkat coklat, pelatih akan dinaikkan pangkat ke peringkat biru

(yang bermula dengan percubaan biru, Ketua Rumah, Penolong Ketua Sekolah dan Ketua Sekolah)⁵².

Sementara dalam sistem upah kerja pula, setiap pelatih akan diberi gaji mengikut skim gaji yang biasa diamalkan di penjara, iaitu:

- i) Gred A (berkemahiran membuat sesuatu seperti kerjatangan daripada rotan, kimpalan dan sebagainya) - 50 sen sehari
- ii) Gred B (separa mahir) - 40 sen sehari
- iii) Gred C (kurang atau tidak mahir) - 30 sen sehari.

Upah kerja ini dibayar mengikut jumlah hari bekerja. Para pelatih akan diberikan $\frac{2}{3}$ daripada jumlah keseluruhan pendapatan bulanan mereka untuk membeli keperluan diri di kedai sekolah, manakala $\frac{1}{3}$ lagi akan disimpan oleh pihak Sekolah, dan akan diserahkan kepada mereka apabila dibebaskan kelak⁵³.

Sekolah Henry Gurney turut menyediakan khidmat dan program kaunseling kepada para pelatihnya. Di Telok Mas, misalnya, program bimbingan kaunseling telah wujud semenjak tahun 1981. Ia menyediakan kaunseling secara individu, berkelompok dan berkeluarga dengan memberi penekanan kepada aspek pemikiran, perasaan serta tingkah laku seseorang pelatih.

Program ini bermatlamat mewujudkan keyakinan diri, disiplin, kesedaran dan keinsafan dalam diri para pelatih, di samping mengubah sikap mereka ke arah yang lebih baik.⁵⁴

Selain daripada program bimbingan kaunseling, Sekolah Henry Gurney juga turut mengaplikasikan program *Therapeutic Community* (TC) dalam salah satu agenda pemulihannya. Ia bermaksud sekumpulan manusia yang saling membantu antara satu sama lain dengan tujuan memulihkan diri masing-masing. Program TC ini berorientasikan konsep kekeluargaan yang menjurus ke arah pembentukan tingkah laku dengan penekanan terhadap aspek psikologi. Namun, keutamaan hanya diberi kepada pelatih yang terlibat dalam masalah dadah, tetapi sekiranya pelatih lain berminat menyertainya, satu temuduga akan diadakan bagi menentukan kesesuaian mereka dengan program ini. Bagaimanapun, sehingga hari ini, hanya Sekolah Henry Gurney Telok Mas sahaja yang mengaplikasikan program ini, dan ianya masih belum diperluaskan ke Sekolah-sekolah lain seumpamanya di seluruh negara.⁵⁵

Sekiranya terdapat pelatih yang melanggar peraturan Sekolah, mereka akan dikenakan hukuman, seperti mengurung mereka di bilik kurungan khas yang

berasingan daripada pelatih lain (dipanggil sebagai *Penal Grade*), untuk beberapa waktu tertentu. Selain daripada itu, mereka juga boleh diturunkan pangkat tidak lebih dari tiga bulan, dikurung di dalam bilik selama tiga hari, diberi makanan terhad tidak lebih dari tiga hari, ditarik penggunaan tilam tidak lebih dari tujuh hari dan sebagainya⁵⁶.

Akhirnya mana-mana pelatih yang telah tamat tempoh tahanan mereka, sama ada kerana telah mencukupi tempoh tiga tahun, atau kerana berkelakuan baik akan diberi pelepasan secara berlesen, dengan syarat mereka telah melalui tempoh penahanan minimum, iaitu selama dua belas bulan. Para pelatih yang telah memasuki usia 21 tahun pula akan diberikan pelepasan tanpa bersyarat, atau dipindahkan ke penjara, bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan dan juga sikap mereka semasa di dalam tempoh tahanan. Bagi pelatih yang diberi kebebasan berlesen akan diselia oleh pegawai kebajikan masyarakat yang tinggal berdekatan dengan tempat kediaman mereka, iaitu selama satu tahun. Semasa tempoh ini, pelatih tersebut dikehendaki melaporkan diri di pejabat /Jabatan Kebajikan Masyarakat pada setiap bulan bagi tujuan pemantauan. Namun bagi pelatih yang berusia 21 tahun sebelum tamat tempoh setahun seliaan akan diselia sehingga usianya mencapai 21 tahun sahaja.⁵⁷

4.4: Penilaian Soalselidik⁵⁸ Dan Observasi Di STBSB Dan SHGTM

Berdasarkan soalselidik yang dijalankan ke atas 21 orang pelatih juvenil di STBSB dan 50 orang pelatih juvenil di SHGTM didapati bahawa lebih separuh daripada pelatih pernah memasuki pusat pemulihan lain sebelum kemasukan ke kedua-dua jenis pusat pemulihan tersebut. Ia sama ada kemasukan ke mana-mana asrama akhlak sementara menunggu perbicaraan kes di Mahkamah Juvana tamat, atau sementara menunggu kekosongan di mana-mana Sekolah Tunas Bakti atau Sekolah Henry Gurney, atau kemasukan ke Sekolah Henry Gurney disebabkan melakukan kesalahan berulang, lari dari Sekolah Tunas Bakti dan dapat ditangkap semula, atau disebabkan menghadapi masalah disiplin sewaktu di Sekolah Tunas Bakti. Kajian di STBSB menunjukkan 81% pelatih juvenil yang disoalselidik pernah ditempatkan di asrama-asrama akhlak sebelum memasuki pusat pemulihan tersebut. Manakala 90% pelatih juvenil di SHGTM merupakan bekas pelatih di mana-mana Sekolah Tunas Bakti di seluruh negara sebelumnya.

Kebanyakan pelatih terdiri daripada mereka yang tercicir di dalam pelajaran akademik mereka sebelum memasuki STBSB atau SHGTM. Kajian mendapati 94% pelatih di kedua-dua pusat pemulihan tersebut mendapat

pendidikan setakat tingkatan tiga serta gagal di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah mereka. Manakala 6% lagi mendapat pendidikan setakat tingkatan empat dan lima dan gagal di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Kegagalan di dalam bidang akademik serta kesukaran mendapatkan pekerjaan menyebabkan mereka terdorong dan terjebak dalam perilaku tidak baik dan melanggar undang-undang seperti lepak, mencuri, memeras ugut dan seumpamanya.

Selain keciciran di dalam mata pelajaran akademik, latar belakang keluarga turut menjadi penyumbang kepada perilaku liar juvenil dan penglibatan mereka dalam perbuatan sumbang pada mata masyarakat. Kajian di STBSB dan SHGTM mendapati kebanyakan pelatih mempunyai ibu bapa yang tidak berpendidikan tinggi, mempunyai pekerjaan yang mendapat pulangan yang amat sedikit, sibuk bekerja dan tidak memberi tumpuan terhadap perkembangan anak-anak, di samping tidak menitikberatkan pendidikan agama ke dalam diri anak-anak mereka. Kajian mendapati 89% ibu bapa pelatih tidak berpendidikan tinggi, 24% tidak tahu membaca al Quran dan 21% tidak pernah mengajar anak-anak sembahyang sewaktu di rumah. Sebanyak 7% anak-anak mereka (pelatih juvenil yang disoalselidik) mengaku tidak pernah melihat ibu bapa mereka sembahyang sewaktu di rumah dan 7%

lagi mendakwa ibu bapa mereka pernah meninggalkan puasa dengan sengaja pada bulan Ramadan.

Rata-rata pelatih juvenil memiliki pengetahuan agama yang sangat cetek, terutamanya sebelum memasuki pusat-pusat pemulihan sekarang. Kajian mendapati 72% pelatih tidak tahu membaca dan menulis jawi sebelumnya, 68% tidak tahu membaca al Quran, 15% tidak pernah sembahyang kerana tidak pernah disuruh atau diajar, 25% pernah meninggalkan sembahyang dengan sengaja dan 18% pernah meninggalkan puasa dengan sengaja sebelum memasuki pusat pemulihan. Bagaimanapun, setelah memasuki pusat pemulihan, para pelatih ini telah diajar ilmu-ilmu asas agama, terutamanya sembahyang, puasa dan membaca al Quran, serta ilmu-ilmu fardu 'ain dan fardu kifayah oleh guru agama khas dari Jabatan Agama Islam Negeri. Sedikit sebanyak mereka telah diberi pengisian rohani sebagai bekal untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan di luar.

Seterusnya kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelatih di STBSB dan SHGTM terlibat dalam perbuatan salah dan menyalahi undang-undang kerana dipengaruhi oleh rakan-rakan. Faktor ini berhubung kait dengan sikap ibu bapa yang sibuk berusaha mencari rezeki serta kurang mengendahkan

kegiatan harian mereka, terutamanya selepas waktu sekolah. Kajian menunjukkan 96% pelatih berasal dari keluarga yang kurang berada yang ibu bapa mereka bekerja sendiri seperti bertani, menangkap ikan dan berniaga kecil-kecilan, sementara 99% pelatih yang disoalselidik mengakui pengaruh rakan-rakan adalah antara punca mereka terdorong dan terjebak dalam perbuatan jenayah dan tidak bermoral. Kajian juga mendapati 70% pelatih tidak dapat dikesan oleh ibu bapa penglibatan awal mereka dalam perilaku negatif. Akibatnya, anak-anak ini semakin jauh terlanjur dan semakin sukar untuk dikawal dan dibendung sikap mereka.

Kajian seterusnya mendapati bahawa ada di antara pelatih tidak begitu yakin mampu menghadapi dugaan setelah dibebaskan kemudiannya, terutamanya jika mereka cuba kembali dipengaruhi oleh rakan-rakan lama. Sebanyak 20% pelatih tidak yakin segala ilmu yang didapati semasa di pusat-pusat pemulihan mampu menjadi benteng diri mereka daripada segala kemungkinan tidak baik dalam kehidupan mereka kelak.

Sementara observasi selama sehari di STBSB dan SHGTM mendapati bahawa setiap pelatih di kedua-dua pusat pemulihan juvenil ini dikenakan disiplin yang ketat dan diwajibkan mematuhi setiap peraturan dan aktiviti yang

ditetapkan. Bagaimanapun, kawalan oleh warden terhadap pelatih di SHGTM lebih ketat berbanding kawalan warden di STBSB. Namun demikian, masih terdapat kes pelatih yang melanggar disiplin dan peraturan Sekolah, dan akibatnya mereka akan dikenakan denda oleh pegawai petugas seperti lari keliling padang, mencuci tandas, ditarik kemudahan asas seperti tilam untuk tidur selama beberapa hari dan sebagainya. Bagi pelatih STBSB yang menghadapi masalah disiplin yang teruk berkemungkinan akan dihantar ke mana-mana Sekolah Henry Gurney.

Observasi yang dijalankan ini juga mendapati bahawa pusat-pusat pemulihan seperti STBSB dan SHGTM adalah pusat pemulihan yang berkonsep tertutup, iaitu ia tidak bebas untuk dilawati oleh setiap orang tanpa kebenaran. Bagi mereka yang ingin melawat mana-mana Sekolah Tunas Bakti seperti STBSB mesti terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, manakala mereka yang ingin melawat mana-mana Sekolah Henry Gurney seperti SHGTM mesti mendapat kebenaran daripada Jabatan Penjara Malaysia. Bagaimanapun, mana-mana ibu bapa atau penjaga kepada pelatih di pusat-pusat pemulihan ini dibenarkan melawat anak-anak mereka bila-bila masa dalam tempoh waktu yang ditetapkan.

Seterusnya observasi ini mendapati bahawa majoriti pelatih di pusat-pusat pemulihan adalah mereka yang beragama Islam daripada bangsa Melayu. Realiti ini disokong oleh statistik yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia yang mencatatkan kadar tertinggi kemasukan juvenil Melayu Muslim ke semua pusat pemulihan akhlak juvenil di negara ini berbanding mereka daripada bangsa dan agama lain. Selain daripada itu, pusat-pusat pemulihan juvenil di seluruh negara juga sebahagian besarnya dikhususkan untuk juvenil lelaki seperti STBSB dan SHGTM. Sumber dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia merekodkan hanya dua buah daripada lapan buah Sekolah Tunas Bakti dikhususkan kepada juvenil perempuan dan selebihnya adalah untuk juvenil lelaki, demikian juga sumber dari Jabatan Penjara Malaysia yang merekodkan hanya dua buah daripada lima buah Sekolah Henry Gurney dikhususkan untuk juvenil perempuan.

Observasi ini juga mendapati bahawa pusat-pusat pemulihan seperti STBSB dan SHGTM agak kurang menitikberatkan aspek penerapan nilai-nilai Islam secara menyeluruh ke atas pelatih yang beragama Islam. Mereka setakat diajar sembahyang, membaca al Quran, berpuasa dan beberapa perkara lain mengenai agama Islam. Dalam hal berpakaian, umpamanya, para pelatih

Muslim tidak diwajibkan menutup aurat dengan sempurna. Di STBSB dan SHGTM, sebagai contoh, para pelatih Muslim dimestikan memakai seluar pendek seperti pelatih yang tidak beragama Islam, dan etika berpakaian ini adalah salah satu peraturan yang mesti dipatuhi. Begitu juga dalam aspek sembahyang, mereka hanya diwajibkan sembahyang secara berjemaah pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti Maghrib, Isyak dan Jumaat, sedangkan berjemaah boleh dianggap sebagai satu latihan agar mereka menunaikan sembahyang setiap kali waktunya dan tidak ponteng dengan sengaja (peluang untuk ponteng sembahyang agak terbuka terutamanya pada waktu mereka dibenarkan sembahyang secara sendirian). Selain daripada itu, pengajaran ilmu agama seperti mengaji dan fardu 'ain hanya dihadkan sekali atau dua kali pada setiap hujung minggu, dan tidak sekerap pelajaran kemahiran vokasional yang diwajibkan pada setiap hari.

Seterusnya observasi ini mendapati bahawa dalam situasi tertentu, peraturan pusat pemulihan hanya dikuatkuasakan ke atas pelatih sahaja, sedangkan pada masa yang sama, mereka berpeluang melihat para pegawai petugas tidak menunjukkan model yang baik untuk dicontohi. Ini dapat dilihat, umpamanya dalam peraturan yang tidak membenarkan pelatih juvenil merokok semasa di pusat pemulihan, sedangkan pada masa yang sama sesetengah pegawai

petugas bebas merokok di hadapan pelatih tersebut. Walaupun merokok bukanlah suatu masalah yang besar, namun ianya bukan suatu contoh yang baik, terutamanya dalam usaha mendorong dan membimbing pelatih menjadi manusia yang baik. Tambahan pula merokok hanya membazirkan wang dan boleh merosakkan kesihatan, dan sikap pegawai yang merokok di hadapan pelatih seolah-olah mereka tidak menyokong dan mendorong pelatih tersebut menjauhi segala perkara yang boleh memudaratkan diri mereka.

Akhirnya observasi ini mendapati bahawa aspek gotong royong dan bekerjasama amat ditekankan kepada setiap pelatih di STBSB dan SHGTM. Ini dapat dilihat, umpamanya semasa membersihkan kawasan pusat pemulihan oleh para pelatih dengan diawasi oleh beberapa orang pegawai petugas. Dalam aspek penyediaan makanan di SHGTM pula, beberapa orang pelatih akan bergilir-gilir menyedia dan memasak makanan kepada semua pelatih, dan kemudiannya setiap pelatih akan mengemas sendiri bekas makanan dan minuman mereka.

4.5: Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa aspek pemulihan akhlak di pusat-pusat pemulihan akhlak juvenil seperti Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney amat memberi penekanan kepada kemahiran berbentuk vokasional seperti bertukang, menjahit, membuat kek dan pastri dan seumpamanya. Ia bertujuan bagi membolehkan bekas pelatih berdikari dalam mencari dan mendapatkan pekerjaan setelah keluar dari pusat pemulihan kelak. Penekanan kemahiran bentuk vokasional juga dibuat memandangkan kebanyakan bekas pesalah adalah mereka yang tercicir dalam bidang akademik. Selain itu, setiap pelatih juvenil juga diajar aspek-aspek kerohanian, riadah, pematuhan disiplin dan lain-lainnya, namun peruntukan masa yang diberikan adalah terhad berbanding masa mempelajari bidang vokasional tersebut.

Nota Hujung

¹ Sumber dari JKMM dan JPM.

² Akta Mahkamah Juvana 1947, seksyen 2; Risalah JKMM, "*Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*".

³ Sumber berdasarkan risalah-risalah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

⁴ *ibid.*

⁵ Risalah JKMM bertajuk "*Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*".

⁶ Risalah JKMM bertajuk "*Rumah Tahansentara/Asrama Akhlak*".

⁷ *ibid*; Temubual dengan Encik Shahrani Yusuf, Timbalan Pengetua STBSB.

⁸ Dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kebajikan Masyarakat.

⁹ Akta Mahkamah Juvana 1947, seksyen 27-33.

¹⁰ Temubual dengan Encik Shahrani Yusuf, Timbalan Pengetua STBSB.

¹¹ Menteri yang dimaksudkan ialah Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat (dahulunya Menteri Kebajikan Masyarakat); Akta Mahkamah Juvana 1947, seksyen 31 dan 39(2).

¹² *ibid*, seksyen 21.

¹³ Risalah JKMM bertajuk "*Perkhidmatan Pemulihan Akhlak-Taman Seri Puteri*".

¹⁴ Lihat artikel "*Sejarah Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi Kuala Lumpur*", Majalah STBSB, dalam lampiran.

¹⁵ Temubual dengan Encik Shahrani Yusuf, Timbalan Pengetua STBSB.

¹⁶ Risalah JKMM bertajuk "*Sekolah Tunas Bakti*".

¹⁷ Rujuk penerangan tentang sistem borstal dalam nota hujung nombor 39 di bawah.

¹⁸ Artikel "*Sejarah Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*", *op.cit.*

¹⁹ Temubual dengan Encik Shahrani Yusuf, Timbalan Pengetua STBSB dan observasi di STBSB.

²⁰ Kesemua mereka adalah beragama Islam dan berketurunan Melayu, dan terdiri daripada pelatih baru dan juga lama.

²¹ Observasi dan soalselidik 21 orang pelatih di STBSB, Kuala Lumpur.

²² Temubual dengan Encik Shahrani Yusuf, Timbalan Pengetua STBSB.

²³ *ibid.*

²⁴ *ibid.*

²⁵ *ibid.*; observasi di STBSB.

²⁶ *ibid.*

²⁷ *ibid.*; temubual dengan beberapa orang pelatih STBSB.

²⁸ *ibid.*

²⁹ *ibid.*

³⁰ *ibid.*; temubual dengan Encik Shahrani Yusuf.

³¹ *ibid.*; observasi di STBSB, Kuala Lumpur.

³² *ibid.*

³³ *ibid.*; Akta Mahkamah Juvana 1947, seksyen 22 & 23.

³⁴ *ibid.*; temubual dengan Encik Shahrani Yusuf.

³⁵ Temubual dengan *SAC II*, Tuan Hashim Sharat.

³⁶ Sumber dari Jabatan Penjara Malaysia; Sekolah-sekolah ini ditubuhkan di bawah peruntukan seksyen 38 dan 39, Akta Mahkamah Juvana 1947. Berdasarkan Laporan Statistik 1998 (iaitu sehingga 31 Disember 1998) Jabatan Penjara Malaysia, seramai 992 orang juvenil sedang menjalani hukuman dan pemulihan di seluruh Sekolah Henry Gurney, dan daripada jumlah ini, 92.9% adalah juvenil lelaki dan 7.1% sahaja juvenil perempuan. Bagaimanapun, jumlah ini hanya meliputi 3.4% jumlah kesemua penghuni penjara di seluruh negara, iaitu 29,150 orang.

³⁷ Penubuhan Sekolah Henry Gurney dibuat berdasarkan keperluan semasa, terutamanya apabila berlaku masalah kenakalan juvenil yang serius di antara tahun 1947-1948. Masalah kenakalan juvenil ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah mewujudkan sebuah sekolah akhlak khas untuk mereka. Bagi mencapai tujuan tersebut, sebahagian daripada penjara Muar pada masa itu telah dijadikan Sekolah Akhlak Tertinggi (*Advanced*

Approved School) yang pertama di Tanah Melayu, iaitu pada tahun 1949. Namun disebabkan timbul beberapa masalah, Jabatan Penjara Malaya (pada masa itu) terpaksa mencari penempatan terbaru untuk menempatkan pesalah-pesalah juvenil di sekolah tersebut. Akhirnya, Sekolah Akhlak Tertinggi yang baru telah dibuka di Telok Mas, Melaka, pada pertengahan tahun 1949. Kumpulan pertama (*advanced party*) yang mula-mula dihantar ke sini adalah seramai 70 orang yang kebanyakannya dari Penjara Muar, dan selebihnya dari tempat-tempat lain di seluruh Semenanjung. Sekolah Akhlak Tertinggi ini kemudiannya dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu, iaitu Sir Henry Gurney, pada 19hb Julai 1950. Nama sekolah ini kemudiannya ditukar kepada Sekolah Henry Gurney Telok Mas, mengambil sempena nama Sir Henry Gurney. Penghuninya dikhususkan kepada pesalah yang berusia 14 tahun dan di bawah 21 tahun, dan diperintah masuk oleh mahkamah kerana terlibat dalam masalah dadah dan jenayah, ataupun lari dari pusat tahanan sebelumnya.

³⁸ Temubual dengan Tuan Haji Mahayuddin Salleh, Timbalan Penguasa Penjara Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka, Khamis, 20.5.1999.

³⁹ Sistem *Borstal* ini asalnya dimulakan di Penjara Rochester, England, pada tahun 1902 dengan penekanan kepada aspek-aspek berikut:-

- a) menganggap anak-anak yang dilatih sebagai manusia yang mempunyai perwatakan tersendiri. *Borstal* tidak bermaksud untuk memusnah atau membuat sesuatu menjadi bentuk tertentu, tetapi bermaksud mendorong beberapa kesanggupan yang dimiliki agar dapat dikembangkan dengan teratur. Selain daripada itu, ia bermaksud menuju ke arah kehidupan yang baik dan membantu seseorang menjadi manusia berguna.
- b) setiap juvenil mestilah diperlakukan sebagai seorang individu, sama seperti yang lain, dan dikehendaki patuh kepada segala peraturan umum.
- c) sistem ini dan para pegawai yang bertugas hendaklah menjadi satu kesatuan yang saling percaya mempercayai.³⁹

⁴⁰ Temubual dengan Encik Ishak Osman, Penolong Penguasa Penjara, SHGTM dan Encik Ahmad Mohd Amin, Pegawai Penjara SHGTM.

⁴¹ Temubual dengan *SAC II* Tuan Hashim Sharat; temubual dengan Tuan Haji Mahayuddin Salleh, Timbalan Penguasa Penjara SHGTM.

⁴² Temubual dengan Encik Ahmad Mohd Amin, Pegawai Penjara SHGTM.

⁴³ *ibid.*

⁴⁴ *ibid.*

⁴⁵ *ibid.*, juga temubual dengan Encik Ishak Osman, Penolong Penguasa Penjara SHGTM.

⁴⁶ *ibid.*